KPT tambah biasiswa atlet kepada 110 penerima tahun ini

Oleh BULETIN TV3 -Oktober 27, 2026 @ 02:15 Pm



PUTRAJAYA – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) meningkatkan penawaran Biasiswa Atlet Cemerlang kepada 110 penerima tahun ini berbanding 99 pada tahun lalu bagi memperluas peluang pendidikan berkualiti kepada atlet negara. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir, berkata inisiatif tersebut bertujuan memastikan golongan atlet bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan, malah memiliki kelayakan akademik yang tinggi untuk masa depan mereka.

Berucap pada perhimpunan bulanan KPT, beliau menjelaskan bahawa kerajaan menanggung sepenuhnya yuran pengajian di samping menyediakan elaun sara hidup mengikut peringkat pengajian, daripada diploma hingga ke peringkat kedoktoran. Berdasarkan maklumat Majlis Sukan Negara (MSN), lebih 35 peratus atlet yang mewakili negara kini terdiri daripada penuntut di institusi pendidikan tinggi.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health